

UMS, DBKK jayakan program Kebun Bandar

Membabitkan komuniti Taman Kuala Manggatal, yang kesembilan di ibu negeri

UB 21.06.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama-sama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjayakan program Kebun Bandar bersama Komuniti Taman Kuala Manggatal, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Noorliza Awang Alip berkata, inisiatif bersama ini antara lain adalah bagi memasyarakatkan agensi seperti DBKK dalam kalangan penduduk bandar, selain mengeratkan ukhuwah bersama komuniti setempat.

"Usaha ini juga adalah bagi memberi dorongan dan bantuan ke arah meningkatkan produktiviti sumber makanan dalam masyarakat sebagai menyokong aspek keterjaminan makanan."

"Untuk itu, DBKK bersempena untuk memberi bantuan dari segi melihat kesesuaian tempat, memberi nasihat teknikal, serta menyediakan sumber-sumber yang diperlukan seperti peralatan kebun, biji benih, dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan program "Urban Garden: Colours of the Land" di Masjid Al-Ikhwan, Taman Kuala Menggatal.

Beliau turut memaklumkan, komuniti Taman Kuala Menggatal merupakan komuniti kesembilan program seumpama itu diadakan oleh pihak DBKK, yang sebelum ini turut diad-

akan bersama komuniti di kawasan sekitar Sembulan, Tanjung Aru dan Likas.

Sementara itu, pelajar Sarjana Kesihatan Awam FPSK, Dr. Norsyahidah Md.Taib yang merupakan pengarah Program Kebun Bandar memberitahu, program tersebut merupakan penganjuran kali ketiga oleh fakulti tersebut.

"Program ini dilihat memberi impak yang positif pada penduduk bandar kerana bukan sahaja dapat meningkatkan keterjaminan makanan di kawasan tertentu, tetapi juga menggalakkan usaha masyarakat untuk mendapatkan nutrisi yang seimbang melalui penanaman sayur-sayuran."

Justeru, UMS akan terus bekerjasama dengan erat bersama pihak DBKK bagi penganjuran program serupa bersama komuniti di kawasan lain," ujar beliau.

Bersempena acara tersebut, turut berlangsung Ceramah HPV dan Saringan HPV oleh pegawai perubatan dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Saringan Kesihatan dan Pameran Makanan Sihat oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu, Demonstrasi Makanan, Pertandingan Mewarna, dan Ceramah Nutrisi oleh Dr. Woon Fui Chee dari FPSK.

Hadir sama pada acara tersebut Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffrey; Ketua Jabatan Perubatan Kesihatan Awam FPSK UMS, Datuk Dr. Yusof Hj. Ibrahim; Pegawai Kesihatan



TERBAIK: Noorliza meninjau tanaman sayur salad yang diusahakan komuniti Taman Kuala Manggatal, sambil diliripi Saffree dan Norsyahidah.



RASMI: Noorliza merasmikan Kebun Komuniti Bandaraya Masjid Al Ikhwan Taman Kuala Manggatal.

Kawasan Kota Kinabalu,
Dr. Prabakaran Solomon A/

L Dhanaraj; dan Pengerusi
Masjid Al-Ikhwan Taman

Kuala Manggatal, Sulaiman
Liman.